

SMK Pantai Hidupkan Semangat Baharu, Minggu Pertama Persekolahan Penuh Warna



SMK Pantai sekali lagi melakar sejarah apabila berjaya melaksanakan **Aktiviti Minggu Pertama Sesi Persekolahan 2026** dengan penuh semangat dan keterlibatan menyeluruh daripada warga sekolah. Program ini yang berlandaskan *Manual Aktiviti Minggu Pertama* merupakan tahun kedua penganjurannya, bertujuan menyatukan seluruh murid dan guru melalui aktiviti yang menyeronokkan, bermanfaat serta berorientasikan pembelajaran sepanjang hayat.

Perangkaan manual aktiviti ini telah dirancang dengan teliti oleh Penyelaras Unit iaitu En. Kasnan, Puan Haslindah, En. Christie dan Puan Norlia. Bagi memastikan

kelancaran pelaksanaan, guru-guru dibahagikan kepada beberapa unit utama. Antaranya ialah Unit Bahasa, Komunikasi dan Bacaan yang diketuai oleh Cikgu Athirah dan Cikgu Nur Fajrina; Unit Seni, Sukan dan Lestari yang diketuai oleh Cikgu Jasrin, Cikgu Jasiman dan Cikgu Fildaus; Unit TVET yang diketuai oleh Cikgu Norazlina; serta Unit STEM yang diketuai oleh Cikgu Nur Syazwani dan Cikgu Claire. Pembahagian ini membolehkan aktiviti dijalankan secara lebih tersusun dan berfokus.

Sepanjang empat hari berlangsung, murid-murid telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang bukan sahaja menyeronokkan tetapi juga memberi nilai tambah kepada pembelajaran mereka. Guru-guru memainkan peranan penting dalam membimbing serta memastikan setiap aktiviti berjalan dengan lancar. Semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh semua pihak menjadikan minggu pertama persekolahan ini sebagai pengalaman bermakna yang mampu meningkatkan motivasi murid untuk menghadapi sesi persekolahan baharu.

SUMBER BERITA : SMK PANTAI, WP LABUAN



Aktiviti Bahasa



Aktiviti TVET



**Aktiviti
Bersukan**



**Permainan
Bahasa**